

**Jenis Akhbar** : Utusan Borneo Online

**Tarikh** : 01/08/2024

**Edisi / Muka Surat** : <https://www.utusanborneo.com.my/>

**Tajuk** : 250 keluarga, lima sekolah terima bantuan banjir YBR

## 250 keluarga, lima sekolah terima bantuan banjir YBR



**BANTUAN:** Ewon hadir dalam majlis penyampaian Bantuan Banjir YBR kepada keluarga mangsa dan sekolah terjejas.

**PENAMPANG:** Kira-kira 250 keluarga mangsa banjir di sekitar daerah ini dan lima buah sekolah menerima bantuan tunai dari Yayasan Bank Rakyat (YBR).

Sebanyak RM50,000 peruntukan disediakan iaitu setiap keluarga mangsa banjir masing-masing akan menerima bantuan sebanyak RM200.

Sementara itu, lima buah sekolah terjejas juga turut menerima peruntukan YBR iaitu setiap sekolah menerima bantuan sebanyak RM10,000.

Majlis penyerahan bantuan berkenaan disempurnakan oleh Menteri Pembangunan Usahawan Dan Koperasi (KUSKOP), Datuk Ewon Benedick di Dewan Huguon Siou Tuavon Penampang, hari ini.

Turut hadir, Pengerusi YBR, Datuk Philip Benedict Lasimbang; Pengurus Besar YBR, Syaiful Rizal Abdul Ghani; Presiden Majlis Perbandaran Penampang, Francis Chong; Pegawai Pendidikan Daerah Penampang, Ag Mohd Kadir Ag Kanak dan Pengurus Jabatan Komunikasi Korporat YBR, Mohamad Ghazali Zainal Abidin.



**ALBUM: Ewon bergambar bersama semua keluarga mangsa dan sekolah yang menerima bantuan berkenaan.**

Sementara itu, Ewon berkata, usaha murni ini diharapkan dapat memberi sedikit kelegaan buat mereka yang terkesan dan pihak sekolah dalam meneruskan sesi persekolahan.

“Bantuan khas ini diberikan kepada setiap keluarga serta sekolah yang telah dikenalpasti terjejas di dalam musibah banjir melalui Pusat Khidmat Ahli Parlimen Penampang.

“Terima kasih kepada pihak YBR kerana menyantuni mereka yang terkesan dan diharapkan peruntukan yang disalurkan dapat digunakan sebagai bantuan pasca banjir bagi meneruskan kehidupan harian seperti biasa,” katanya dalam kenyataan, semalam.

Di dalam majlis yang sama Philip berkata, bantuan ini diharapkan dapat memberi sedikit kelegaan buat mereka yang terkesan dan membantu ketua keluarga yang terjejas.

Katanya, pihak YBR akan mengusahakan lebih banyak bantuan lagi bagi meringankan beban mereka yang terkesan.

“Pihak kami amat prihatin serta cakna dengan bebanan kewangan yang dialami terutamanya mereka dalam kalangan B40 disebabkan oleh bencana ini.

“Semoga inisiatif ini sedikit sebanyak dapat membantu mereka dalam menyediakan keperluan asas seharian serta memperbaiki peralatan sekolah yang rosak akibat banjir” katanya.

Antara agensi lain yang turut sama hadir memberikan bantuan adalah Bank Rakyat, SME Bank, CO-OP Bank Pertama, TEKUN Nasional, Perbadanan Nasional Berhad (PERNAS), Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) dan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM).

Terdahulu, pada tahun 2024, Yayasan Bank Rakyat telah memperuntukkan sebanyak RM600,000.00 bagi pemberian sumbangan kepada mereka yang kurang bernasib baik.

Selain itu, bagi meningkatkan kesejahteraan sosio-ekonomi penerima melalui pembangunan pendidikan, pemerksaan masyarakat serta bantuan penjagaan kesihatan.